

18/06/2000

Ahli bantah cadangan penggabungan

KELANA JAYA: Cadangan penggabungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mendapat bantahan sebahagian anggota Keadilan ketika usul itu dibahaskan pada Persidangan Agung Kedua parti itu di Wisma Ungku Aziz di sini, semalam.

Ketika membahaskan usul memberi mandat kepada majlis pemimpin tertinggi (MPT) mengenai penggabungan itu, beberapa perwakilan yang berucap menegaskan cadangan berkenaan perlu dikaji secara teliti sebelum sebarang keputusan diambil.

Ini kerana, sebahagian anggotanya bimbang penggabungan itu kelak akan hanya membawa keburukan kepada Keadilan terutama dalam hal berkaitan dengan nama, lambang dan perlembagaan barunya.

Kelmarin, Presiden PRM, Dr Syed Husin Ali berkata, penggabungan kedua-dua parti itu dijangka dapat dilaksanakan hujung tahun ini.

PRM meluluskan resolusi mengenai penggabungan berkenaan di Kongres Kebangsaannya minggu lalu.

Wakil Tanah Merah, Kelantan, Mohd Soba Husin berkata, penggabungan itu akan hanya melambangkan kelemahan kerana hanya parti yang lemah saja terpaksa mencari kekuatan dengan penggabungan.

"Penggabungan ini melambangkan kelemahan seperti yang dibuat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau menggabungkan bank selepas negara dilanda krisis ekonomi lalu. Apalah salahnya jika PRM dibubarkan dan ahlinya masuk Keadilan," katanya.

Wakil Gombak, Selangor, Ramlah Mohd Mozambir pula meminta MPT melihat semula cara lain dalam mengutuhkannya parti selain bergabung dengan PRM.

Beliau berkata, MPT juga perlu menerangkan dengan jelas matlamat sebenar penggabungan itu kepada perwakilan dan seterusnya kepada penyokong akar umbi.

Wakil Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Syamsul Bahari Samsudin menggesa ahli MPT melanjut tempoh selama enam bulan kepada Jawatankuasa Teknikal bagi meneliti semula butiran penggabungan berkenaan.

Bagaimanapun, selepas beberapa perwakilan mengutarakan pandangan mereka, keadaan tiba-tiba menjadi tegang apabila seorang perwakilan yang tidak puas hati perbahasan itu dicelah oleh ahli MPT, bangun dan meminta MPT tidak masuk campur dalam perbahasan usul berkenaan.

Beliau yang kemudian disokong oleh perwakilan lain, terus menunjukkan isyarat lucah sebelum meninggalkan dewan.

Persidangan empat hari itu disambung hari ini.

(END)